

## SPRM biaya 20 pelajar terbaik perakaunan

**Shah Alam:** Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) mencari 20 pelajar terbaik dalam bidang perakaunan di seluruh negara bagi berkhidmat dengan suruhanjaya itu.

Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan SPRM, Muhammad Salim Sundar Abdullah, berkata kemasukan pelajar lepasan perakaunan dapat mengukuhkan pasukan siasatan SPRM, terutama membabitkan kes penyelewengan syarikat korporat di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, SPRM akan menaja pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) menyambung pelajaran kendalian Persatuan Akauntan Berkanun dan Bertauliah (ACCA).

### Buat saringan

Katanya, buat pertama kali SPRM bekerjasama dengan Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjalankan sesi pratemuduga bagi pelajar tahun akhir fakulti itu.

"Kira-kira 80 calon ditemuduga hari ini (semalam) dan SPRM membuat tapisan pratemuduga untuk menyaring dan mengenalpasti calon terbaik dari segi pencapaian akademik.

"Nama 20 calon terbaik akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertanggungjawab untuk sesi pengambilan bekerja," katanya.